

RHB Research Jangka Inflasi Meningkat Kepada 3.0 Peratus Tahun Ini
Bernama
3 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- RHB Research Institute menjangka kadar inflasi negara meningkat kepada kadar purata 3.0 peratus tahun ini, daripada 2.1 peratus yang dicatatkan tahun lepas.

Pada 2015, ia menjangka inflasi naik kepada antara 3.5 dan 3.9 peratus apabila cukai barangan dan perkhidmatan dilaksanakan.

"Inflasi dijangka meningkat berikutan perubahan dalam harga pentadbiran oleh kerajaan yang akan memberi kesan kepada harga produk akhir lain dan perkhidmatan.

"Ini mungkin akan mendorong bank pusat menaikkan kadar dasar semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas menjelang lewat suku ketiga tahun ini kepada 3.25 peratus, bagi membendung jangkauan peningkatan inflasi," katanya dalam nota Isnin.

Bank Negara Malaysia telah mengekalkan OPR pada 3.0 peratus bagi tempoh lebih daripada dua tahun.

RHB Research juga berkata ia menjangka pinjaman sistem perbankan mengekalkan pengembangannya pada 10-11 peratus tahun ini.

Tahun lepas, pinjaman berkembang sebanyak 10.6 peratus didorong oleh pertumbuhan lebih kukuh dalam pinjaman korporat dan diimbangi sebahagiannya oleh pertumbuhan yang lebih lemah dalam pinjaman isi rumah.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1018824>